

29 OCT 1999

MAHATHIR-BELANJAWAN

BELANJAWAN MURAH HATI KERANA PEMULIHAN LEBIH PANTAS DRPD YANG DIJANGKAKAN

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Pemulihan ekonomi Malaysia, yang "lebih pantas" daripada yang diunjurkan pada awalnya telah membolehkan kerajaan membentangkan belanjawan bermurah hati untuk tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Daripada satu peratus yang kita (sebelum ini) unjurkan bagi 1999, kita sebenarnya mencapai pertumbuhan 4.3 peratus dalam keluaran dalam negara kasar (kdnk)," katanya kepada sidang akbar selepas Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin membentangkan belanjawan di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan mampu membuat "banyak potongan cukai" dan meringankan masalah golongan miskin tahun depan berikutan banyak syarikat yang mempamerkan prestasi bertambah baik.

Beliau menjelaskan sektor korporat tahun ini memperolehi manfaat daripada pengecualian cukai dan pemulihan projek kerajaan yang ditangguhkan sebelum ini.

"Seperti yang anda tahu Menteri Kewangan sebelum ini telah memotong perbelanjaan kerajaan sebanyak 21 peratus, di mana ia bermakna semua pembangunan projek perlu ditangguhkan. Ia telah menimbulkan banyak masalah kepada kontraktor dan pembekal," katanya.

Kerajaan pada tahun ini telah memasukkan semula perbelanjaannya dengan saiz yang "kecil", katanya, sambil menambah banyak projek prasarana akan dimulakan tahun depan yang bakal menghasilkan aktiviti ekonomi lebih besar.

Hasilnya, syarikat-syarikat dijangka mempamerkan prestasi lebih baik pada tahun 2000 dan sebagai pulangnya membolehkan rakyat dan kerajaan memperolehi pendapatan yang lebih tinggi, kata Dr Mahathir.

Selain itu, beliau berkata cukai pendapatan persendirian rendah (potongan satu peratus) serta bonus dan peningkatan pembayaran bagi kakitangan kerajaan akan meningkatkan kuasa pembelian mereka yang boleh membantu menggalakkan aktiviti perniagaan.

Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada kakitangan kerajaan kerana tidak menuntut kenaikan gaji sepanjang tempoh kegawatan ekonomi dan kerajaan telah memutuskan untuk menaikkan gaji kakitangan kerajaan sebanyak 10 peratus tahun depan kerana ia mempunyai keupayaan untuk melakukannya.

"Kami telah mengkaji pendapatan dan hasil tahun depan dan memutuskan bahawa kami mampu melakukannya," katanya.

Dr Mahathir juga memuji langkah-langkah yang diambil Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam memulihkan ekonomi.

Beliau berkata Belanjawan 2000 menunjukkan usaha-usaha MTEN dalam memulihkan ekonomi adalah "diluar jangkaan".

Beliau menganggap semakan 4.3 peratus pertumbuhan KDNK adalah luar biasa kerana ekonomi pulih daripada asas tinggi berbanding negara lain yang turut dilanda krisis.

"Negara-negara lain mungkin pulih sedikit pantas tetapi mereka bermula daripada asas rendah kerana mereka mengalami lebih banyak kebinasaan daripada kita ketika kemelesetan ekonomi," katanya.

Beliau berkata tiada pengurangan dalam cukai korporat ditawarkan dalam Belanjawan 2000 kerana kerajaan telah banyak menyediakan kemudahan kepada sektor swasta.

Selepas memotong cukai korporat kepada 28 peratus tahun lalu, kerajaan kini menawarkan pengurangan bagi individu, katanya sambil menambah, "terdapat faedah sampingan di mana mereka (syarikat-syarikat) boleh

mengambil kesempatan daripadanya."

-- BERNAMA

AD ZK MA